

Poly Nanyang: Separuh pelajar dapat ikuti program luar negara

SEPARUH pelajar Politeknik Nanyang (NYP) menyertai sekurang-kurangnya satu program luar negara sepanjang tempoh pengajian mereka di sekolah itu.

Program luar negara tersebut berteras akademik di institusi pengajian tinggi atau latihan bekerja sambil belajar bersama syarikat.

Pengarah penjagaan dan bimbingan pelajar NYP, Encik Chai Kuek Heng, berkata program luar negara “menggalakkan pelajar keluar dari bilik darjah dan membangunkan pemikiran global yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dunia yang pesat berubah”.

“Kami juga mempunyai skim bantuan kewangan bagi memastikan pelajar berkelayakan yang menghadapi cabaran daripada segi kewangan tidak ketinggalan menjalani program itu,” katanya.

Pelajar sains makanan, Cik Leo Qiao Wei, 22 tahun, menghabiskan tiga bulan di Zurich, Switzerland, menyertai program Universiti Sains Gunaan Zurich hujung tahun lalu.

Cik Leo, yang berpeluang bekerja di ladang semasa berada di sana, berkata:

“Ia pengalaman luar biasa. Saya belajar tentang anggur, kebudayaan dan bahasa setempat.”

Setiap tahun, lebih 100 pelajar



DIBERI PELUANG TEROKA NEGARA LAIN: Pelajar Politeknik Nanyang, seperti pelajar bidang seni bina mampan ini, boleh melebarkan sayap ke luar negara demi menadah ilmu. – Foto NYP

bidang pengurusan perniagaan menyertai program pertukaran di salah satu daripada 56 universiti di 18 negara.

Program itu sebahagian Program Pertukaran Pelajar Luar Negara.

NYP – yang menawarkan 47 kursus diploma, daripada pengurusan perniagaan hingga reka bentuk permainan – baru sahaja melancarkan diploma baru dalam reka bentuk seni bina mampan.

Rumah terbuka NYP tahun ini berlangsung sehingga hari ini. Rumah terbuka empat politeknik lain – Politeknik Ngee Ann, Republic, Singapura, dan Temasek – juga berlangsung hingga hari ini.